

Intip dua minggu

Kota Bharu: Intipan selama dua minggu membawa kepada penemuan 14,400 karton rokok seludup dianggarkan bernilai RM2.25 juta termasuk cukai dalam sebuah rumah di Kampung Bendang Kerian, Tumpat.

Serbuan dilakukan sepasukan anggota pengat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kira-kira jam 11.30 pagi pada 5 Ogos lalu.

Difahankan, rokok berkenaan dipercayai dibawa masuk menerusi pangkalan haram di Tumpat itu sebelum disembunikan di rumah terbabit.

Pengarah JKDM Kelan-

“Kesemua rokok itu dipercayai dibawa masuk dari negara jiran untuk pasaran luar Kelantan”

Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salan

tan, Wan Jamal Abdul Salan Wan Long berkata, ketika serbuan, rumah itu terkunci dan anggota terpaksa memecahkan pintu sebelum mendapati tiada individu dalam premis ter-

babit.

“Hasil pemeriksaan menemui 288 peti mengandungi 14,400 karton berisi 2.88 juta rokok seludup dianggarkan bernilai RM2.25 juta termasuk cukai.

“Kesemua rokok itu dipercayai dibawa masuk dari negara jiran untuk pasaran luar Kelantan,” katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Wan Jamal Abdul Salam berkata, pihaknya percaya rumah yang dijadikan transit itu mempunyai pemilik dan sedang mengesan individu berkenaan.



WAN Jamal Abdul Salan (kiri) bersama pegawainya menunjukkan rampasan rokok seludup pada sidang media di Ibu Pejabat Penguatkuasaan JKDM Kelantan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR